

Newspaper
Date

Berita Harian
7 March 2016

Forest City dijangka tarik pelaburan asing RM175b

» Status bebas cukai pacu aktiviti niaga, pelancongan di 4 pulau

Oleh Zuraidah Mohamed dan S Anand Kumar
bhjb@bh.com.my

► Johor Bahru

Projek pembangunan Forest City diberikan Status Kawasan Bebas Cukai untuk memacu aktiviti perniagaan dan pelancongan keempat-empat pulau di Iskandar Puteri di sini.

Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pemberian status itu antara empat Pakej Insentif Sokongan bagi merancak serta menjayakan projek yang melibatkan nilai pelaburan keseluruhan RM450 bilion di atas kawasan seluas 1,400 hektar.

Perdana Menteri berkata, pakej berkenaan turut membolehkan galakan cukai korporat untuk pemaju hijau dan pengurus pemaju hijau; galakan cukai korporat untuk pengusaha sektor perkhidmatan yang layak atau syarikat bertaraf Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR), dalam sektor pelancongan, kesihatan dan pendidikan.

Katanya, pakej keempat pula tiada kekangan/syarat ekuiti untuk pemegang saham asing dalam syarikat yang layak menikmati galakan cukai korporat, di atas.

"Saya menyarankan pemaju induk dan perancang bandar Forest City supaya menerapkan elemen kemapanan dan dasar inklusif ke dalam pe-



Najib beramah mesra dengan Mohd Hakim Taufik Rahman (duduk) ketika berurusan di kaunter Pejabat Perumahan sambil diperhatikan Khaled pada Majlis Perasmian Pusat Transformasi Bandar Johor di Johor Bahru, semalam.
(FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH)

rancangan sosial dan fizikal bandar eko ini.

"Dengan sasaran 700,000 penduduk menjelang tahun 2035, perlu inisiatif bandar hijau, aktiviti perlindungan persisiran pantai, program pemuliharaan rumpai laut, aplikasi Sistem Pembinaan Berindustri dalam pembinaan bangunan perumahan serta perancangan fizikal dilaksanakan dan dipantau secara jangka panjang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran projek mega Forest City yang disempurnakan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar di pulau 1 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled Nordin; Duta Besar China ke Malaysia, Dr Huang Huikang; Pengerusi Country Garden Holdings, Yeung Kwok Keung

dan Pengarah Eksekutif, Country Garden Pacificview Sdn Bhd, Datuk Mohd Othman Yusoff.

220,000 peluang kerja

Najib berkata, projek Forest City berkenaan dijangka mampu menarik pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM175 bilion, selain mewujudkan 220,000 peluang pekerjaan dalam sektor nilai tambah tinggi seperti kewangan dan e-dagang dalam tempoh 20 tahun.

Katanya, projek Forest City yang dijalankan oleh Country Garden Pacificview itu adalah selaras dengan enam Teras Strategik Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Katanya, konsep hijau dan bandar raya pintar juga senada dengan salah satu teras RMK-11, iaitu 'Menuju Ke Arah Pertumbuhan Hijau Bagi Me-

ingkatkan Kemapanan Dan Daya Tahan'.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata pelan itu melibatkan lima pihak berkuasa tempatan di bawah kendalian Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) di Iskandar Malaysia.

Pada majlis itu, kerajaan Persekutuan sumbangan RM1 juta kepada pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) sebagai pembangunan sukan bola sepak untuk negeri itu.

Sumbangan disampaikan Perdana Menteri kepada Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ), Datuk Ismail Karim merangkap Setiausaha Kerajaan Johor.

Untuk video, layari
www.bharian.com.my